

14 FEBRUARI 2018

Polis rampas cecair syabu RM1.7 juta disorok dalam baldi

KOSMO! RABU 14 FEBRUARI 2018

NEGARA! 9

Polis rampas cecair syabu RM1.7 juta disorok dalam baldi

MUAR - Polis merampas sejumlah cecair dipercayai dadah jenis syabu bernilai RM1.7 juta dan menahan tiga lelaki selepas menyerbu sebuah rumah di Bakri di sini kelmarin.

Dalam serbuan pukul 1 petang, cecair tersebut ditemui disorokkan di dalam dua buah baldi manakala kesemua suspek lelaki yang berkas di dalam rumah itu berusia antara 35 hingga 43 tahun.

Ketua Polis Daerah Muar, Asisten Komisioner Zaharudin Rasip berkata, pihaknya turut menemui 0.86 gram (g) heroin, 77.17g syabu dan 16 biji pil Eramin

5 yang menjadikan jumlah keseluruhan rampasan dadah terbabit mencecah RM1.79 juta.

"Hasil ujian awal pengesanan dadah terhadap cecair seberat 25.5 kilogram yang dirampas itu menunjukkan tanda positif bahan terlarang tersebut.

"Selain dadah, polis turut merampas sebuah kereta jenis BMW yang bernilai RM80,000 dan wang tunai RM250," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muar di sini semalam.

Menurut Zaharudin, ujian saringan air kencing terhadap ke-

tiga-tiga suspek mendapati mereka positif dadah jenis methamphetamine dan kesemua mereka kini direman hingga 19 Februari ini untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Dua daripada suspek terbabit didapati memiliki rekod jenayah lampau membabitkan kesalahan dadah manakala seorang lagi suspek tiada sebarang rekod," ujarnya.

Tambahnya, polis juga masih menjalankan siasatan dengan lebih terperinci dalam kes itu termasuk apa yang akan dilakukan dengan cecair berkenaan selain menghantarnya ke Jabatan Kimia.



ZAHARUDIN (tengah) menunjukkan baldi berisi syabu pada sidang akhbar di IPD Muar semalam.